

## **BAB**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Disertasi ini bertajuk: “Sumbangan Sheikh Yāsīn al-Fadānī dalam Karya *al-Arba ‘īnāt: Analisis Terhadap Kitab al-Arba ‘īn al-Buldāniyyah”* adalah sebuah kajian ilmiah yang cuba mendedahkan beberapa persoalan yang berhubungan dengan tajuk kajian.

Bab Pendahuluan merupakan pengantar kepada kajian ini, dan akan memberikan deskripsi awal berhubungkait dengan permasalahan dan objektif yang akan dicapai sehingga dapat memberikan deskripsi awal bagi kajian yang akan ditulis.

Penulis juga memberikan skop dan batasan penyelidikan supaya kajian tidak keluar dari kemampuan yang boleh menghalang pencapaian ruang lingkup penyelidikan. Kemudian dalam bab pendahuluan ini pula akan mengemukakan kaedah yang tepat serta dipilih untuk penyelidikan di samping kepentingan kajian yang dibuat.

Selain itu, pada bab ini pula akan menyusuri kajian lepas bagi membezakan antara kajian-kajian yang pernah dibuat sebelumnya juga akan dijelaskan pula rancangan penyusunan dan sistematik penulisan sebagai penutup kepada bab ini. Manakala sistematika penulisan yang dibuat diakhir bab ini merupakan rancangan deskripsi ringkas mengenai kajian yang akan dijalankan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Ilmu Hadith merupakan satu disiplin pengajian ilmu yang terpenting. Ianya bukan sahaja menjadi suatu keperluan, tetapi juga merupakan ilmu teras kepada pengajian Islam secara keseluruhan. Hal ini berikutan kedudukan Hadith sebagai sumber ajaran Islam setelah al-Qur'an.

Manakala untuk memahami Hadith dengan benar dan sempurna, mesti memahami terlebih dahulu ilmu tersebut. Sebab, ilmu Hadith merupakan ilmu yang mencakupi nukilan bagi setiap yang dinisbatkan kepada Rasulullah s.a.w. atau sahabat atau selain beliau s.a.w., sama ada perkataan, perbuatan, *taqrīr* (pengakuan), hal ehwal, sejarah hidup, malah gerak-gerik dan diam, mahupun dalam keadaan terjaga dan tidur beliau s.a.w., serta juga pengkajian terhadap sanad-sanad, riwayat-riwayatnya, pemeliharaannya, penelitian lafaz-lafaznya, dan syarahan makna-maknanya.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Takrif ini adalah sebuah takrifan yang mula sekali diberi *al-'Allāmah al-Muḥaddith Muḥammad bin Ja'far al-Kattānī* (m.1345H) mengenai ilmu Hadith dalam kitab beliau bertajuk "al-Risālah al-Muṣṭaṭrafah". Lihat Muḥammad bin Ja'far al-Kattānī, Abū Ya'lā al-Bayḍāwī, ed., *al-Risālah al-Muṣṭaṭrafah li Bayān Mashhūr Kutub al-Sunnah al-Mušarrāfa* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011), 18. Pengertian ini telah mencakupi pengertian ilmu *Hādīth Riwayah* dan ilmu *Hādīth Dirāyah*. Manakala ilmu *Hadith Riwayah* iaitu suatu ilmu yang mengkaji tentang periyawatan Hadith-Hadith Rasulullah s.a.w., sama ada dari aspek perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat beliau. Bukan sahaja sekedar memindah atau meriwayatkan Hadith, tetapi riwayat yang penuh teliti, tepat dan amanah. Pengertian lafaz-lafaz Hadith tersebut termasuk dalam pengertian ini. Ilmu *Hadith Dirāyah* pula adalah ilmu yang mengkaji tentang hakikat riwayat, syarat-syarat, jenis-jenis, hukum-hukumnya, serta para perawinya. Ia juga termasuk kajian tentang Hadith daripada aspek penerimaan dan juga penolakannya serta kefahaman tentang nas atau teks Hadith itu. Pembahagian ini pertama kali disebutkan oleh Ibn al-Akfānī (m.749H) dalam karya beliau bertajuk *Irshād al-Qāsid ilā Asnā al-Maqāsid*; ketika beliau membincangkan tentang Ilmu *al-Nawāmīs* yakni ilmu untuk mengetahui hal ehwal kenabian dan hakikatnya serta keperluan manusia terhadapnya. Ilmu tersebut adalah delapan buah Ilmu Syariah, iaitu: Ilmu *al-Qirā'āt*, ilmu *Riwayah al-Hādīth*, ilmu *Tafsīr al-Kitab*, ilmu *Dirāyah al-Hādīth*, ilmu *Uṣūl al-Dīn*, ilmu *Uṣūl al-Fiqh*, ilmu *al-Jadal*, dan ilmu *al-Fiqh*. Kemudian beliau menguraikan ilmu-ilmu tersebut. Lihat Shams al-Dīn Muḥammad bin Ibrāhīm Sā'id al-Anṣārī al-Sanjārī, *Irshād al-Qāsid ilā Asnā al-Maqāsid* (Mesir: Matba'ah al-Mausū'āt bi Bāb al-Khulq, 1900), 54-62. Pembahagian ini kemudian dipopulerkan oleh Imam al-Suyūtī (m.911H) dalam *Tadrīb al-Rāwī*. Lihat Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, Muḥammad Ayman bin 'Abd Allāh al-Shibrāwī, ed., *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Kaherah: Dār al-Hādīth, 2010), 24. Kemudian istilah ini pula diikuti oleh hampir semua sarjana Islam kontemporari dan penulis kitab Ilmu Hadith, antaranya Dr. 'Abd Allāh bin Yūsuf al-Judā'i, ahli Parlimen Eropah untuk Fatwa dan Penyelidikan (ECFR), dan pengetua kepada al-Judā'i Centre for Research and Counselling di Masjid Agung Leeds, United Kingdom, dalam kitabnya bertajuk "Tahrīr 'Ulūm al-Hadīth", cetakan Mu'assasah al-Rayyan, Leeds. Lihat 'Abd Allāh bin Yūsuf al-Judā'i, *Tahrīr 'Ulūm al-Hādīth* (Leeds: Mu'assasah al-Rayyan, 2003), 1:23. Demikian pula Dr. Muḥammad bin Luṭfī al-Šubbāgh, pensyarah ilmu-ilmu al-Qur'an dan Hadith di Fakulti Tarbiyah, Universiti Raja Sa'ud (King Saud University), juga menyebutkannya dalam kitabnya bertajuk "al-Hādīth al-Nabawī: Muṣṭalahuh, Balāghatuh, Kutubuh" terbitan al-Maktabah al-Islami, Beirut. Lihat Muḥammad bin Luṭfī al-Šubbāgh, *al-Hādīth al-Nabawī: Muṣṭalahuh, Balāghatuh, Kutubuh* (cet. ke-8, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 2003), 176.

Hadith pula adalah rukun awal dalam mensyarahkan apa yang mujmal dari al-Qur'an.<sup>2</sup> Maka itu, pengajian Hadith menjadi penting kerana ia merupakan ilmu yang mengkaji dan meneliti Hadith-Hadith Rasulullah s.a.w. yang berkedudukan sebagai sumber kedua syariat. Seiring dengankedudukan beliau s.a.w. sebagai sebaik-baik dan semulia-mulia makhluk.

Malah Imam al-Nawāwī (m.676H) dalam kitabnya, *al-Taqrīb* mengiranya sebagai jalan yang paling utama dalam *taqarrub* kepada Allah s.w.t. kerana ia merupakan penjelasan jalan (*al-sunnah*) sebaik-baik dan semulia-mulia makhluk yang awal dan yang akhir.<sup>3</sup>

Memandangkan hal itu, para Ulama telah berusaha sedaya upaya dan berkhidmat dalam mengumpulkan Hadith-Hadith Nabi s.a.w. dengan melakukan penyusunan kitab-kitab tersebut sehingga kewujudan Hadith-Hadith Nabi s.a.w. sentiasa terpelihara dan hadir di tengah-tengah umat Islam. Mereka telah memberikan keprihatinan terhadap pengajian Hadith seperti keprihatinan mereka terhadap al-Qur'an.

Para Ulama Hadith pula sentiasa melakukan *tablīgh* (penyampaian) Hadith Rasulullah s.a.w.. Ini terbukti apabila mereka telah meninggalkan khazanah yang tiada ternilai dalam pelbagai bidang ilmu yang berkaitan dengan Hadith Rasulullah s.a.w. dalam bentuk karya tulis mereka.

Projek penulisan Hadith ini pun dari masa ke masa tiada henti dikerjakan, malah seiring perubahan masa/ zaman dan penggantian generasi. Manakala penyusunan kitab-kitab Hadith pula mengalami perkembangan yang dapat dikenali melalui kreativiti para Ulama itu dalam menciptakan pelbagai kaedah dan bentuk penyusunan Hadith.

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, 5.

<sup>3</sup> Yaḥyā bin Sharf al-Dīn al-Nawawī, Muḥammad Uthmān al-Khasht, ed., *al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma'rīfah Sunan al-Bashīr al-Nadīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1985), 23. Lihat juga Al-Suyūtī, *Tadrib al-Rāwī*, 43.

Di antara mereka ada yang mengumpulkan dan menyusun Hadith Rasulullah s.a.w. mengikut kepada bab-bab fekah, ada pula yang menyusunnya berdasarkan nama-nama para sahabat Rasulullah s.a.w. yang meriwayatkan Hadith, ada pula susunan Hadith tersebut didasarkan kepada urutan guru-guru kepada pengarang tersebut, Di antara mereka juga yang hanya memasukkan dalam koleksi Hadithnya daripada Hadith yang sahih sahaja

Mereka juga mempunyai kaedah-kaedah penulisan dan penyusunan yang khas, sedikit sebanyak membezakan antara satu dengan yang lain, termasuk karya mereka yang sahaja mengumpulkan Hadith dengan jumlah tertenu, seperti Hadith sebanyak empat puluh atau disebut dengan Hadith “al-Arba‘īn”, dan jenis pengkaryaan ini dikenali dengan nama *al-Arba‘īnāt*.

Tujuan kitab *al-Arba‘īnāt* yang sebenar adalah untuk memudahkan umat dalam menghafaz dan mengamalkan sebahagian sunnah-sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan *tabligh* (menyampaikan) Hadith Rasul s.a.w.<sup>4</sup> di samping kerana adanya riwayat yang menggalakkan untuk menghafaz sebanyak empat puluh Hadith yakni urusan agama, supaya memperolehi kelebihan yang besar iaitu dibangkitkannya para penghafaz empat puluh Hadith itu dalam kumpulan para ahli fekah dan ilmu.

Usaha tersebut sentiasa berlanjut dari masa ke masa serta dari pelbagai penjuru dan negeri, tidak terkecuali kawasan nusantara ini, bersamaan dengan tersiar dan tersebar ajaran Islam keluar kawasan Arab atau timur tengah dan kepelbagai negeri bahkan sampai ke kawasan nusantara termasuk negeri Indonesia.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Muḥammad Yāsīn al-Fādānī, *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah: Arba‘ūn Ḥādiṭhan ‘an Arba‘īn Shaykhan min Arba‘īn Baladan* (1983; cet. ke-2, Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1987), 3.

<sup>5</sup> Islam masuk ke kawasan nusantara (tanah Melayu) sudah mula masuk sejak beberapa abad silam, pada akhir abad ke-7 dan awal abad ke-8 Masihi. Kenyataan ini merupakan hasil seminar mengenai masuknya Islam ke Indonesia yang diselenggarakan di Medan pada 17–20 Mar 1963, kemudian seterusnya di Banda Aceh pada 10–17 Julai 1978 dan 25–30 Sepember 1980. Tapi secara formal, para sejarahwan memberi kenyataan bahawa Islam masuk ke Indonesia pada abad ke 13, dengan merujuk (berpedoman) kepada kewafatan Sultan Malik al-Saleh, Raja Pasai (m.1297 M), manakala Islam masuk ke Indonesia pada abad

Di antara Ulama Nusantara yang telah pun memberi sumbangan dalam menambah koleksi *al-Arba ‘īnāt* ialah Sheikh Muḥammad Yāsīn bin ‘Īsā al-Fādānī. Beliau merupakan tokoh Ulama Hadith dari alam Melayu pada abad ke-20 Masihi. Popularitasnya tumbuh berkembang seiring tersiarinya sumbangan beliau bagi keilmuan Islam berupa tafsir, usul fiqh dan fekah, *lughah* (bahasa) dan utama lagi di bidang Hadith.

Keseriusan dan kegigihan beliau dalam memelihara tradisi Ulama salaf yakni sanad-sanad Hadith Nabi s.a.w. yang merupakan keistimewaan yang diberikan kepada umat Islam beliau hasilkan dalam keseluruhan karya beliau termasuk karyanya dalam bidang Hadith dan kitab *al-Arba ‘īnāt* Sheikh Yāsīn al-Fādānī.<sup>6</sup>

Sheikh Yāsīn al-Fādānī pula sebagai tokoh Ulama Hadith yang setengah pendapat masih merasa sangsi atas ketokohan beliau sebagai Ulama Hadith, maka kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* yang merupakan salah satu kitab yang ditulis beliau dalam bidang Hadith dikira penting untuk dikaji bagi menonjolkan dan mengukuhkan kelebihan beliau dan kepakarannya dalam ilmu Hadith sama ada riwayah mahupun dirayah.

Sebagai tambahan, selama ini karya Hadith dalam *al-Arba ‘īnāt* lebih lagi karya para Ulama Nusantara dalam penulisan karya tersebut tidak banyak diketahui selain kitab *al-Arba ‘īn al-Nawawiyyah* yang ditulis oleh seorang tokoh Ulama besar kalangan Shāfi‘iyyah yang bernama Muhy al-Dīn Yahyā bin Sharf al-Dīn al-Nawawī (m.676H).

Manakala sumbangan para Ulama Hadith sama ada dari Jazirah Arab mahupun Nusantara dalam pengkaryaan *al-Arba ‘īnāt* sangat banyak. Setiap karya tersebut mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Demikian pula kitab karya Sheikh

---

ke 13 M. Lihat Bibit Suprapto, *Ensiklopedia Ulama Nusantara: Riwayat Hidup, Karya dan Sejarah Perjuangan 157 Ulama Nusantara* (Jakarta: Gelegar Media Indonesia, 2010), xxxv.

<sup>6</sup> Malahan tradisi menyampaikan ilmu tidak terhad pada Hadith sahaja melainkan kesemua ilmu keislaman yang pelbagai sentiasa beliau aplikasikan. Dan ini merupakan salah satu kelebihan Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang paling menonjol dan susah ditandingi dizaman sekarang.

Yāsīn al-Fādānī yang justeru seorang Ulama yang berasal dari Tanah Melayu yang telah mewariskan banyak karya yang bermanfaat kepada umat Islam dan para penuntut ilmu, lebih lagi karya dibidang Hadith.

Selain itu, kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* adalah kitab Hadith yang didalamnya mengandungi sebanyak empat puluh Hadith yang dikumpulkan dan disusun oleh beliau dengan cara dan metode yang khas. Beliau tidak sahaja mengumpulkan empat puluh Hadith sahaja tetapi juga mengumpulkan empat puluh nama guru beliau yang berasal dari tempat yang berasingan.

Maka itu menurut pandangan penulis, kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* sebagai salah satu karya terbaik yang ditulis oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī, kerana didalamnya beliau berjaya mengumpulkan kepakaran beliau dalam pelbagai ilmu, sama ada ilmu bahasa, fekah, ilmu Hadith dirayah mahupun riwayah.

Memandangkan keistimewaan yang dimiliki beliau dan kitab tersebut, dikira perlu untuk melakukan kajian untuk mengupas kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī secara komprehensif dan analistik sehingga tajuk kajian ini pun dinamai dengan: “**Sumbangan Sheikh Yāsīn al-Fādānī Dalam Karya *al-Arba ‘īnāt*: Analisis Terhadap Kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*.**”

### 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang kajian di atas, maka masalah yang dapat dikenalpasti adalah sebagai berikut:

1. Apakah maksud karya *al-Arba ‘īnāt*, latar belakang dan perkembangan penulisannya dari kurun Ulama terdahulu sehingga kurun Ulama semasa?
2. Bagaimana latar belakang Sheikh Yāsīn al-Fādānī dan dari sudut kajian para sarjana serta sumbangan beliau dalam bidang Hadith dan *al-Arba ‘īnāt*?
3. Bagaimana kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī?

4. Bagaimana metodologi penulisan kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī dan kekuatan dan kelemahan dalam kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*?

#### **1.4 Objektif**

Berladaskan masalah kajian di atas, maka objektif kajian yang hendak dicapai dalam disertasi ini ialah:

1. Menjelaskan dan menghuraikan pengertian kitab *al-Arba ‘īnāt* serta sejarah perkembangan dan karya-karya *al-Arba ‘īnāt* setiap kurun sehingga sekarang.
2. Memperkenalkan tokoh dan latar belakang Sheikh Yāsīn al-Fādānī dengan mengaitkan dengan fakta semasa dan sumbangannya dalam bidang Hadith dan *al-Arba ‘īnāt*.
3. Memperkenalkan dan menyelongkar maklumat kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam sumbangan beliau terhadap karya *al-Arba ‘īnāt*.
4. Menganalisis metodologi penulisan dan penyusunan kitab *al-Arba ‘īn al-Buldāniyyah* dan menjelaskan kelebihan dan kekurangan kitab.

#### **1.5 Kepentingan Penyelidikan**

Di antara kepentingan daripada kajian ini adalah:

1. Memperkenalkan macam-macam kitab *al-Arba ‘īnāt* dan *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* yang ditulis Ulama Hadith dan sarjanawan dari masa ke masa dan Ulama Nusantara.
2. Memperkenalkan karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam *al-Arba ‘īnāt* dan mengemukakan kaedah dan bentuk-bentuk penukilan riwayat Hadith dalam *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*.

3. Menyingkap kualitas dan kapasitas Shaykh Yāsīn al-Fādānī dalam bidang keilmuan Hadith dengan mengkaji semula Hadith-Hadith yang beliau keluarkan dalam kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* dan kitab *al-Arba 'ūn Hādīthan*.
4. Memartabatkan Ulama Nusantara dengan memperkenalkan sumbangan dan keistimewaan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam bidang Hadith khususnya *al-Arba 'īnāt*.

## **1.6 Skop dan Batasan Penyelidikan**

Kajian ini adalah kajian mengenai kitab karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang bertajuk *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* yang merupakan salah satu kitab beliau dalam *al-Arba 'īnāt*. Manakala skop dan batasan dalam penyelidikan ini adalah analisis terhadap kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* karya beliau yang mengandungi juga pengenalan kitab, sumber dan metode penulisan kitab tersebut.

Sebagai tambahan kajian ini juga membincangkan tentang latar belakang Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam sudut kajian para sarjanawan/ sejarahwan dan pengenalan karya-karya *al-Arba 'īnāt* yang mencakupi latar belakang dan karya-karya *al-Arba 'īnāt* sejak awal karya itu dibuat sehingga masa sekarang.

Manakala penyelidikan mengenai latar belakang pengkaryaan *al-Arba 'īnāt* dibuat sebelum kajian tentang latar belakang Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Penulis bermaksud supaya kajian ini boleh lebih kemas dan arah tuju yang jelas sehingga perbahasan antara bab saling berhubungkait.

## **1.7 Ulasan Penyelidikan Lepas**

Memandangkan keistimewaan yang dimiliki oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī, maka kajian dan penelitian tentang beliau telah banyak dilakukan. Tetapi kajian-kajian yang pernah

dijalankan dan dilakukan itu pada umumnya lebih banyak mengungkap sama ada tentang riwayat hidup dan aktiviti keilmuan sahaja.

Setakat pengetahuan penulis penelitian itu belum beranjak ke bidang lebih khusus ke perbahasan tentang kupasan terhadap satu karya beliau yang mendalam. Kebanyakan kajian yang membahas tentang Sheikh Yāsīn al-Fadānī tidak lebih daripada pengenalan mengenai beliau dan mengungkap fakta-fakta yang berkaitan kerjaya dan sumbangaan beliau dalam khazanah keilmuan Islam.

Kajian yang khusus mengenai satu karya tertentu yang ditulis beliau selalunya dibincangkan secara ringkas pada mukaddimah beberapa kitab beliau yang ditulis oleh muhaqqiq dan penerbit kitab tersebut. Malah perbahasan dalam mukaddimah bagi kitab-kitab yang telah diterbitkan dan diberi mukaddimah oleh seorang pentahqiq mahupun penerbit kebanyakannya membincangkan mengenai biografi beliau dan karya-karya beliau sahaja.

Setakat yang penulis tahu ada beberapa kajian dan penelitian ilmiyah yang telah dikerjakan yang paling rapat atau hampir menyamai kajian penulis adalah sebuah disertasi sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Universiti Malaya yang bertajuk "*Shaykh Yāsīn al-Fadānī (m.1990) dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith.*"

Dalam disertasinya tersebut, penulisnya telah mengulas dan menghuraikan fakta-fakta terkait Sheikh Yāsīn al-Fadānī sama ada biografi, latar belakang pendidikan, guru-guru aktiviti kerjaya beliau mahupun pelbagai sumbangannya dalam bidang keilmuan Islam seperti fikah dan *uṣūl al-fiqh*, ilmu falak, *qirā'at*, ilmu tafsir, bahasa dan logikm lebih lagi tentang Hadith. Hal itu kerana penelitian yang dilakukan oleh Jannatul Husna lebih difokuskan kepada perbahasan mengenai sumbangaan dan ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fadānī dalam pengajian Hadith sahaja.

Meskipun fokus kajiannya terhad pada ketokohan dan sumbangan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam pengajian Hadith, penulisnya sedikit banyak juga telah memberikan penjelasan ringkas tentang beberapa karya beliau, di antaranya kitab karya *al-Arba ‘īnāt* beliau seperti kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*, kitab *al-Arba ‘ūn Hādīthān*, serta kitab *Sharh al-Jawhar al-Thamīn fī Arba ‘īn Hādīthān*.

Perbahasan mengenai karya *al-Arba ‘ūn Buldāniyyah*<sup>7</sup> dalam kajian tersebut tidak dikaji dan dihuraikan secara meluas dan mendalam, tetapi ianya hanya setakat penjelasan umum dan tiada dibincangkan secara mendalam dan analistik. Justeru perbahasan tentang kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* dalam disertasi ini hanya sekadar defenisi kitab, tempat cetak, penerbit, tahun terbit kitab dan jadwal Hadith yang terdapat dalam kitab tersebut.

Selain itu diulas juga tentang metode umum kitab tersebut, malah disebutkan bahawa metode yang diguna pakai Sheikh Yāsīn al-Fādānī hampir sama dengan karya-karya yang lain. Manakala penulis menemukan keistimewaan dalam metodologi bagi kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* itu apabila mengkajinya dengan lebih meluas dan mendalam.

Sayyid Ahmad Sayyid Ahmad Yūsuf dalam satu karyanya bertajuk “*Fayd al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr ‘alā Nahj al-Taysīr: Sharḥ Manzūmah al-Tafsīr*.”<sup>8</sup> Dalam bukunya ini latar bekalang kehidupan Sheikh Yāsīn al-Fādānī diperkenalkan secara ringkas sahaja dan hanya mencakupi kelahiran dan pendidikan beliau, aktivitinya dalam masyarkat, beberapa karya yang telah dihasilkan dan keprihatinannya terhadap pendidikan gadis belia. Dan ianya tidak melebihi sebanyak 4 muka surat.

<sup>7</sup> Jannatul Husna, “Shaykh Yāsīn al-Fādānī (m.1990) dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith” (disertasi sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 110-119.

<sup>8</sup> Sayyid ‘Alawī bin al-Sayyid ‘Abbās al-Mālikī, *Fayd al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr ‘alā Nahj al-Taysīr: Sharḥ Manzūmah al-Tafsīr* (cet. ke-2, Mesir: Maṭba’ah al-Fijālah al-Jadīdah, 1960), ↴-↓.

Zamrī Sa'ad al-Dīn Dimashqiyyah dalam mukaddimahnya ke atas kitab yang bertajuk “*al-Fawāid al-Janiyyah Hāshiyah al-Mawāhib al-Saniyyah Sharh al-Fawāid al-Bahiyyah fī Nazm al-Qawāid al-Fiqhiyyah*”<sup>9</sup> karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Pembahasannya tentang riwayat hidup Sheikh Yāsīn al-Fādānī boleh dikatakan lebih spesifik dan sistematik daripada tulisan sebelumnya.

Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī dalam biografi Sheikh Yāsīn al-Fādānī pada kitab “*Thabat al-Kazbarī*”<sup>10</sup> karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī telah mengulas tentang latar belakang kehidupan Sheikh Yāsīn al-Fādānī, tetapi agak berbeza dengan tulisan Zamrī Sa'ad al-Dīn Dimashqiyyah, tetapi perbezaannya tidak banyak.

Muhammad Khayr Ramaḍān Yusūf menulis biografi Sheikh Yāsīn al-Fādānī bersamaan dengan para tokoh dan penulis lain yang berada dalam tahun 1397 sehingga 1415 H (1977-1995 M) yang bertajuk “*Takmilah Mu'jam al-Mu'allifin Wafayat (1397 – 1415 H) (1977-1995 M)*” dan kitabnya yang lain bertajuk “*Tatimmah al-A'lām li al-Zarkalī*.”<sup>11</sup> Penulisnya dalam kedua kitabnya tersebut tidak lebih daripada ringkasan dari tulisan Zamrī Sa'ad al-Dīn Dimashqiyyah dalam *al-Fawāid al-Janiyyah*.

Abū Sulaymān Maḥmūd Sa'īd bin Muhammad Mamduh dalam kitabnya bertajuk “*Taṣnīf al-Asmā bi Shuyūkh al-Ijāzah wa al-Samā*” yang merupakan kumpulan biodata guru-guru Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Kitab ini tidak mengulas tentang biografi Sheikh Yāsīn al-Fādānī masih dengan lebih luas dan mendalam, tapi hanya bersifat umum dan ringkas sahaja.

Bibit Suprapto dalam bukunya yang bertajuk “*Ensiklopedi Ulama Nusantara: Riwayat Hidup, Karya dan Sejarah Perjuangan 157 Ulama Nusantara*.” mengulas 157

<sup>9</sup> Muhammad Yāsīn al-Fādānī, Zamrī Sa'ad al-Dīn Dimashqiyyah, ed., *al-Fawā'id al-Janiyyah: Hāshiyah al-Mawāhib al-Saniyyah Sharh al-Fawā'id al-Bahiyyah fī Nazm al-Qawāid al-Fiqhiyyah* (cet. 2, Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1996), 1:37-48.

<sup>10</sup> Muhammad Yāsīn al-Fādānī, *Thabat al-Kazbarī: Ittiḥāf al-Tālib al-Sarī bi Asānīd al-Wajīh al-Kazbarī* (Damsyik: Dār al-Baṣā'ir, 1983), 8-16.

<sup>11</sup> Muhammad Khayr Ramaḍān Yusūf, *Takmilah Mu'jam al-Mu'allifin Wafayāt (1397-1415 H/1977-1995M)* (Beirut: Dār Ibn Hazm, 1997), 563.

riwayat tokoh Ulama Nusantara berdasarkan susunan abjad (A – Z).<sup>12</sup> Buku setebal 567 muka surat ini hanya membincangkan Sheikh Yāsīn al-Fadānī sebanyak 6 muka surat<sup>13</sup> sahaja termasuk menyebutkan beberapa karya-karya Sheikh Yāsīn al-Fadānī.

Di samping karya-karya di atas, terdapat beberapa karya penelitian dalam bentuk kajian ilmiah yang mencuba mengungkap ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fadānī atau sumbangannya dalam satu bidang tertentu secara konprehensif dan spesifik, di antaranya ialah:

Mohd Khafidz bin Soroni dan Mohd Norzi bin Nasir dalam Prosiding Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada hari Isnin, 17 Zulkaedah 1431H bersamaan dengan 15 Oktober 2010 bertajuk “Sheikh Muhammad Yāsīn al-Fadānī (1916-1990) dan Ketokohnnya dalam Ilmu Riwayah Hadith,”<sup>14</sup> memfokuskan kajiannya dalam aspek ketokohan dalam masalah sanad-sanad periyawatan dan pengijazahan.

## 1.8 Metodologi Penyelidikan

Metode merupakan di antara faktor yang sangat penting untuk mencapai penyelidikan ilmiah yang berkualiti dan dapat dipertanggungjawabkan. Maka itu setiap penyelidikan memerlukan metodologi yang sesuai dengan bidang kajian yang tengah dijalankan.

---

<sup>12</sup> Pengarang buku ini memberikan perspektif yang berbeza dalam pengkategorian Ulama. Hal ini dapat difahami dari penjelasannya dalam bahagian pengantar daripada kitab ini. Beliau mengatakan bahawa pendapat orang sama ada pembaca mahupun pengamat mengenai konsep Ulama adalah berbeza, sesuai dengan visi dan sudut pandang masing pihak. Kalangan sufi atau pengamal tarekat memandang bahawa kebesaran seorang Ulama lebih banyak diukur berdasarkan charisma (karamah) mereka. Demikian pula dikalangan pesantren dan kalangan organisasi Islam tradisional. Manakala kalangan akademisi dan interlekual Islam, menjadikan kayu ukur bagi ketokohan seorang Ulama kebanyakan daripada aspek ilmiah. Kalangan moden pula, kriteria yang mereka pergunakan untuk menentukan kebesaran Ulama lebih kepada idea-idea pemikiran yang mereka. Lihat Bibit, *Ensiklopedia Ulama*, xl, xli.

<sup>13</sup> *Ibid.*, 809-814.

<sup>14</sup> Mohd. Khafiz bin Soroni dan Mohd. Norzi bin Nasir, “Sheikh Muhammad Yāsīn al-Fadānī (1916-1990) dan Ketokohnnya dalam Ilmu Riwayah al-Hādīth” (prosiding, Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25 Oktober 2010).

Manakala metode yang penulis aplikasi dalam penyelidikan ini adalah metode kualitatif, iaitu menggunakan fakta, maklumat, persepsi malah perasaan atau apa sahaja yang boleh menjelaskan sesuatu fenomena.<sup>15</sup>

### **1.8.1 Pengumpulan Data**

Penulis akan menggunakan penyelidikan perpustakaan (*library research*) dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan ini, kerana sumber maklumat serta bahan kajian terdapat banyak diperolehi daripada buku-buku atau bahan-bahan lain yang didapati di perpustakaan.

Di antara perpustakaan yang menjadi tumpuan penulis untuk mendapatkan bahan di anataranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za’ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Islam Antarbangsa, Perpustakaan Gemilang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia, Perpustakaan Soeman HS Riau, Indonesia, dan perpustakaan pribadi penulis.

Data yang terdapat di perpustakaan tersebut dapat berupa buku, jurnal, majalah, kertas kerja, tesis atau disertasi dan seumpamanya. Kemudian upaya melengkapkan kajian ini menerusi bacaan dan analisis penulis terhadap pelbagai data yang telah diperolehi yang berhubungkait dengan kajian yang tengah dibuat.

### **1.8.2 Sumber Data**

Sumber data yang digunakan dalam penyelidikan ini merangkumi data primer dan data sekunder. Manakala sumber primer merupakan sumber yang memberikan data terus daripada tangan pertama. Kerananya sumber primer biasa disebut dengan istilah saksi

---

<sup>15</sup> Lihat Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009), 26.

“pandangan mata”. Sumber sekunder pula merupakan kesaksian dari yang tidak hadir terus pada peristiwa yang dikisahkan.<sup>16</sup>

Maka itu data primer dalam penyelidikan ini adalah kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldaniyyah* yang ditulis oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Data sekunder pula adalah data (bahan) apa saja yang berkaitan atau dapat menjadi perantara bagi data primer.

### **1.8.3 Prosedur Penyelidikan**

Prosedur yang diambil dalam melakukan penyelidikan ini dengan mengaplikasi beberapa kaedah dan metode antaranya:

#### **1.8.3(a) Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi ini akan diaplikasikan dalam keseluruhan bab kajian. Maka itu pengumpulan data dalam kajian bersifat menggali bahan-bahan tertulis berkenaan dengan kajian. Kerana metode dokumentasi merupakan cara untuk menghimpun atau mengumpul bahan atau dokumen bagi sesuatu kajian.<sup>17</sup>

Dalam kajian ini sumber data sama ada primer mahupun sekunder adalah bahan-bahan rujukan berbentuk dokumentasi sama ada dicetak ataupun tidak, seperti buku, majalah, jurnal, kertas kerja dan risalah.

Seterusnya bahan-bahan tersebut dikumpulkan untuk dibaca, diteliti, dan diklasifikasikan sesuai dengan masalah yang akan dikaji. Kemudian keseluruhan data atau bahan tersebut akan disusun secara sistematik.

---

<sup>16</sup> Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method* (New York: Alfred A. Knopf, 1956), 53-54. Lihat juga Syuhudi Ismail, *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis: Telaah Kritis & Tinjauan dengan Pendekatan Ilmu Sejarah* (cet. ke- 2, Jakarta: Bulan Bintang, 1995), 14.

<sup>17</sup> Sheikh Osman Sheikh Salim, *Kamus Dewan Edisi Baru* (cet. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 1238.

### **1.8.3(b) Metode Historis**

Metode ini merupakan suatu proses untuk mengkaji secara sistematik kejadian yang telah berlaku sehingga dapat menentukan apa sebenarnya yang terjadi pada masa lalu. Menurut beberapa pakar, kajian sejarah atau historiografi bertujuan untuk mengkaji atau menjelaskan semula peristiwa sejarah dari sudut tertentu.<sup>18</sup> Manakala menurut Louis Gottschalk pula metode historis atau sejarah merupakan proses untuk menguji dan menganalisis secara kritis terhadap rekaman dan baki masa silam.<sup>19</sup>

Penggunaan metode ini dalam kajian akan dapat membantu mengemukakan fakta-fakta tentang latar belakang Sheikh Yāsin al-Fadāñī dan perkembangan pengkaryaan *al-Arba ‘īnāt*. Maka itu metode historis (sejarah) dalam penyelidikan ini akan diaplikasi pada bab pertama dan kedua.

### **1.8.2 Metode Analisis Data**

#### **1.8.2(a) Metode Induktif**

Metode induktif adalah upaya penghuraian yang membawa maksud kepada pencapaian satu kesimpulan dari data-data yang bersifat khusus. Metode ini digunakan untuk melihat dan menganalisis data sejarah yang dikemukakan bagi memperlihatkan segala maklumat berkaitan dengan latar belakang karya-karya *al-Arba ‘īnāt* dan Sheikh Yāsin al-Fadāñī.

Maka itu metode ini akan diaplikasi pada bab pertama, kedua ketika membahas mengenai sejarah dan latar belakang pengkaryaan kitab *al-Arba ‘īnāt* dan latar belakang Sheikh Yāsin al-Fadāñī. Metode ini juga akan diaplikasi dalam bab ketiga ketika meneliti latar belakang kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*.

---

<sup>18</sup> J. Supranto, Ismail Rejab dan Nik Rahimah Nik Yakob, ed., *Kaedah Penyelidikan: Penggunaan dalam Pemasaran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 27.

<sup>19</sup> Louis Gottschalk, *Understanding History*, 48.

### **1.8.2(b) Metode Deduktif**

Metode ini merupakan cara menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan pola berfikir dengan mencari pembuktian berdasarkan kepada bukti umum terhadap perkara-perkara khusus. Metode ini akan diaplikasi pada bab kedua tentang sumbangan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam karya *al-Arba ‘īnāt* dan pada bab ketiga ketika penulis meneliti tentang sumbangan para Ulama Nusantara dalam *al-Arba ‘īnāt*.

### **1.8.2(c) Metode Komperatif**

Metode ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi selama masa penyelidikan. Metode ini digunakan untuk membuat bandingan terhadap beberapa pendapat dengan mengumpulkan data hasil penyelidikan dan selanjutnya dibuat kesimpulan.

Penggunaan metode ini akan banyak diaplikasi dalam bab kedua ketika penulis meneliti tentang latar belakang dan ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang banyak menyertakan pendapat-pendapat mengenai beliau. Selain itu metode ini juga diaplikasi pada bab pertama tentang pengertian dan klasifikasi karya *al-Arba ‘īnāt*. Malah penggunaan metode ini berlaku umum bagi kesemua bab termasuk bab ketiga dan keempat.

### **1.8.2(d) Metode Deskriptif Analistik**

Metode ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan analisis dan perbandingan terhadap data-data yang diperoleh. Segala data, fakta dan hujah yang dikumpulkan akan dibuat perbandingan dan kesimpulan. Maka itu metode ini paling banyak diaplikasi dalam bab ketiga ketika penulis meneliti tentang kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī dan dalam bab keempat tentang metode penulisan kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*.

## **1.9 Susunan Penulisan**

Penulis membahagikan kajian ini kepada enam bab, yang mencakupi pelbagai pasal dan tajuk-tajuk kecil. Bahagian pendahuluan mengandungi latar belakang, persoalan, objektif, skop dan batasan penyelidikan, kepentingan, ulasan penyelidikan lepas, metodologi penyelidikan dan susunan atau sistematika penulisan.

Bab pertama pula merupakan kajian teoritik atau konsep tentang karya *al-Arba ‘īnāt* yang mengandungi definisi sama ada secara bahasa dan istilah, latar belakang penulisannya, kepentingan dan kelebihan angka empat puluh sehingga karya ini banyak dibuat dan menjadi keprihatinan para penulis *al-Arba ‘īnāt*, juga jumlah yang dikategorikan sebagai *al-Arba ‘īnāt*,

Kajian pada bab ini juga mengulas motif penyusunan dan kepentingan dan kelebihan angka empat puluh sehingga karya ini banyak dibuat dan menjadi keprihatinan para penulis *al-Arba ‘īnāt*, sejarah perkembangannya, serta sumbangan para Ulama dalam pengkaryaan ini yang mula-mula sekali karya *al-Arba ‘īnāt* ini dibuat yakni pada kurun mutaqaddimin.

Bab kedua merupakan kajian tentang latar belakang penulis kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* iaitu Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang memuatkan kajian tentang biodata Sheikh Yāsīn al-Fādānī, ketokohan beliau yang merupakan kajian tentang pandangan terhadap kepakaran beliau sebagai ahli Hadith. Dalam bab ini juga mengungkapkan beberapa karya beliau dalam bidang Hadith dan karya beliau dalam *al-Arba ‘īnāt*.

Kajian dan huraian pada bab kedua ini juga akan menyertakan pelbagai pendapat sarjanawan/ sejarahwan mengenai Sheikh Yāsīn al-Fādānī sama ada, nama, penjenamaan, nasab, tarikh lahir dan meninggal dunia sehingga pada ketokohan beliau sebagai *muḥaddith*.

Manakala bab ketiga dan keempat mengandungi fokus utama kajian, penemuan dan analisis data. Pada bab ketiga akan mengungkap dan mendedahkan maklumat yang

fakta berkenaan dengan kitab *Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang merangkumi nama dan sifat kitab, tarikh penyelesaian kitab, metode dan kandungan serta sistematik penulisan kitab. Tapi sebelum perbahasan tentang kitab beliau, kajian pada bab ini akan dimulakan dengan latar belakang penulisan kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* dan karya *al-Arba ‘īnāt al-Buldāniyyah* yang ditulis oleh Ulama terdahulu dan semasa.

Pada bab keempat pula merupakan analisis dari keseluruhan kajian dan data yang diberi tajuk sumber dan metode penulisan Hadith dalam kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* yang memuatkan kajian tentang metode pengumpulan dan penyusunan Hadith, metode penyampaian Hadith yang mengandungi metode *tahammul* dan *al-‘adā’* untuk mengungkap cara penyampaian dan periwayatan Hadith yang diaplikasi Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Kemudian metode pentakhrijan dan penilaian Hadith serta diakhirkan dengan penjelasan kekuatan dan kelemahan kitab *al-Arb ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī.

Penyelidikan ini diakhirkan dengan bab kelima yang mengandungi kesimpulan dan rumusan keseluruhan kajian untuk melihat sejauh mana penelitian yang telah dijalankan memenuhi objektif kajian. Dalam bab ini juga dikemukakan cadangan-cadangan demi memartabatkan ulama Nusantara, mensosialisasikan karya ulama Nusantara dan untuk kajian yang perlu dibuat pada masa mendatang.

